

**MODEL REKABENTUK BANDAR
BERASASKAN BENTUK BANDAR TRADISIONAL MELAKA**

MARKARIUS ANWAR

Tesis ini dikemukakan
Sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Senibina

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2007

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur setinggi-tingginya kepada Allah S.W.T, dengan limpahan Rahmat dan Kurnia-Nya; saya dapat menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Bashri Sulaiman dan Prof. Madya Dr. Shuhana Shamsuddin, keatas kesungguhan mereka dalam membimbing dan memberi dorongan kepada saya sehingga akhirnya segala kesukaran dan cabaran semasa menjalankan penyelidikan ini dapat diatasi.

Terima kasih juga diucapkan kepada Zamzuri, Lily, Mas, Zarimin, Pak Lalu yang banyak membantu dan turut memberi pandangan semasa menjalankan kajian "*Developing new model of town design based on the traditional urban form*". Terimakasih juga kepada Pak Andi, Dr. Mardani, Dr. Dody Prayitno, Dr. Didi Prasetyo, Pak Didik, Pak dadan, Pak Reza, Pak Heru, Pak Sugeng, Pak Nesdi dan kawan-kawan Persatuan Pelajar Indonesia UTM yang selalu menjadi penyemangat untuk menyelesaikan penyelidikan ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Bapak Dr. Ir. Eko Alvares, MSA, Bapak Ir. I. Nengah Tela, MSc, Bapak Ir. Martalius Peli, MSc, Bang Joni, Bang Riko, Bang Zul, Bang Budi dan kawan-kawan di M7 serta tuan-tuan dan puan-puan pensyarah di Jurusan Arsitektur Universitas Bung Hatta Padang atas sokongan dan motivasinya sehingga penyelidikan ini dapat diselesaikan. Tak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada kawan-kawan serumah di Serdang, Kanda Rizal, Kanda Junaidi, Pak Eri, Pak Ashadi, Pak Promadi dan Riki diatas pengertiannya dan menerima saya dengan baik disana.

Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Alam Bina yang ikut memberikan saran dan masukan pada tiap-tiap seminar yang dianjurkan pihak Fakulti. Terima kasih.

ABSTRAK

Cabaran utama yang dihadapi oleh bandar-bandar baru pada masa ini ialah corak rekabentuk yang tidak lagi mementingkan identiti. Kemunculan bangunan moden yang dikatakan lambang kemajuan sesuatu bandar, tetapi tidak mencerminkan warisan dan budaya tempatan dan malah tidak sesuai dengan keadaan alam semulajadi. Sementara itu bila kita lihat rekabentuk bandar-bandar lama di negara ini, ianya mempunyai keunikan tersendiri seperti; ketinggian kualiti senibina serta ruang bandar yang menarik, adanya keseimbangan tahap pembangunan dengan pemeliharaan nilai budaya, kesesuaian dengan keadaan alam semula jadi, serta memiliki ciri-ciri tertentu yang membentuk imej tempat itu, sehingga ia dinilai sebagai cantik, menawan dan beridentiti. Salah satu daripada bandar-bandar lama di Malaysia yang memiliki keunikan tersebut adalah bandar tradisional Melaka, sehingga ianya dijadikan kajian kes dalam penyelidikan ini. Penemuan utama penyelidikan meliputi beberapa rumusan; pertama adalah rumusan elemen-elemen asas yang membentuk bentuk fizikal bandar iaitu; 1) morfologi, 2) rupa bandar dan 3) struktur bandar. Penemuan keduanya pula didapati kaedah yang sesuai dengan kajian ini iaitu; kaedah kualitatif. Kajian lapangan dilakukan bagi merekodkan kualiti visual dari karakter fizikal bandar secara terperinci. Analisa kandungan pula dilakukan terhadap data-data sekunder yang berkenaan dengan morfologi bandar. Penemuan ketiga adalah berkenaan dengan bentuk asas fizikal bandar, berdasarkan kajian terhadap morfologi bandar kajian. Penemuam keempat adalah berkenaan dengan kualiti rupa bandar melalui teknik pengamatan di tapak kajian. Penemuan terakhir adalah jawapan terhadap objektif kajian, iaitu bekenaan dengan rumusan model rekabentuk bandar. Ianya diperolehi mengikut kajian terhadap karakter fizikal elemen struktur bandar, terdiri daripada lima elemen iaitu; daerah, sempadan, laluan, nodus dan mercutanda. Hasil Kajian ini dapat digunakan sebagai pedoman dalam perancangan bandar-bandar baru dimasa hadapan dan asas bagi kajian-kajian seumpama ini dikemudian hari.